

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan rundingan mahupun usaha sama yang bakal dijalankan bersama Kerajaan Indonesia bagi menyelesaikan masalah jerebu rentas sempadan yang menjelaskan kualiti hidup rakyat serta bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang pada masa yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan bertarikh 24 November 2019 daripada YB Petrajaya, YB Lanang, YB Kampar dan YB Tanah Merah; 31 Oktober daripada YB Bukit Bendera, YB Bukit Gelugor, YB Taiping, YB Batu; 6 November daripada YB Tangga Batu; 12 November daripada YB Kemaman, YB Nibong Tebal, YB Tenom; 18 November daripada YB Saratok, YB Padang Terap, YB Sibuti, YB Bukit Gelugor; 21 November daripada YB Miri, YB Gerik, YB Bera, YB Klang, YB Kuala Krau, YB Jelebu; 27 November daripada YB Jelutong, YB Bandar Kuching dan 3 Disember daripada YB Sarikei.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan di negara jiran seperti berikut:

- (i) MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutuskan surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
- (ii) MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur pada 10 September 2019 dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;
- (iii) pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan;
- (iv) MESTECC telah mengutuskan surat kepada ASEAN Secretariat pada 20 September 2019 bagi mencadangkan supaya diadakan mesyuarat *tele-conferance* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu rentas sempadan; dan
- (v) delegasi Malaysia telah menghadiri mesyuarat khas bersama negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan yang telah diadakan pada 6 Oktober 2019 bersempena dengan penganjuran Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution and ASEAN Ministerial on Environment* (AMME) dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia.

NO. SOALAN : 6

Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu, negara anggota perlu memberikan perhatian serius bagi merealisasikan *Road Map on ASEAN Cooperation towards Trans-boundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan kerangka ke arah visi *ASEAN Haze Free Region by 2020*. Dalam pada masa yang sama, Malaysia telah menghadiri Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment* (AMME) yang diadakan dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia. Kerajaan juga sedang meneliti penggubalan Akta *Transboundary Haze* yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi menangani masalah jerebu, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) juga telah melakukan operasi pemberian awan. Dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2015 sehingga kini sebanyak 30 operasi *wet seeding* dan *dry seeding* telah dijalankan bagi menangani masalah jerebu. **Jumlah perbelanjaan yang terlibat adalah sebanyak RM 2,016,379.**

Sekian, terima kasih.